



KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN OPERASI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) akan membuka perkhidmatan pemfailan dan pendengaran bagi semua kes kepada orang ramai bermula pada **10 Jun 2020** susulan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2020.

Bagi memastikan operasi Mahkamah digerakkan selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), operasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah seperti berikut:

- a) Bagi memastikan penjarakan sosial dapat dikekalkan di dalam premis Kompleks Mahkamah Syariah di setiap daerah Negeri Sembilan, penjadualan semula prosiding kes akan dibuat bagi kes-kes yang telah didaftarkan sebelum ini. Para pelanggan boleh menyemak status kes mereka melalui pautan <https://bit.ly/SYARIAHN9PKP> atau menghubungi Mahkamah berkaitan terlebih dahulu ;
- b) Bagi kes-kes yang tiada dalam senarai semakan, pelanggan akan dimaklumkan tarikh tanggahan baharu oleh Mahkamah melalui notis tanggahan secara bertulis.
- c) Perkhidmatan membaca wakalah bagi pelantikan Peguam Syarie dan ikrar afidavit bagi kes-kes yang diwakili oleh peguam boleh dibuat melalui sidang video.
- d) Prosiding perbicaraan dan Majlis Sulh boleh dibuat melalui sidang video tetapi atas permohonan dan dengan persetujuan bertulis daripada pihak Plaintiff/ Pemohon dan pihak Defendan/ Responden bagi kes tersebut.

- e) Perkhidmatan runding cara boleh dibuat secara dalam talian melalui panggilan telefon. Pelanggan tidak perlu hadir ke Mahkamah sebaliknya pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi Mahkamah yang berkaitan bagi mendapatkan khidmat runding cara.
- f) Borang pendaftaran/ pemfailan kes juga boleh dimuat turun sendiri di laman web JKSNS.
- g) Sebelum hadir ke Mahkamah bagi tujuan untuk memfailkan kes, para pelanggan hendaklah memastikan semua borang/ kehendak yang berkaitan dilengkapkan seperti yang disenaraikan dalam senarai semak setiap borang.

Operasi perkhidmatan kaunter JKSNS adalah seperti berikut:

1. Isnin hingga Khamis

Sesi 1 : 8.30 pagi – 1.00 petang
Sesi 2 : 2.00 petang – 4.00 petang
Waktu Rehat : 1.00 petang – 2.00 petang

2. Jumaat

Sesi 1 : 8.30 pagi – 12.15 tengah hari
Sesi 2 : 2.45 petang – 4.00 petang
Waktu Rehat : 12.15 tengah hari – 2.45 petang

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, semua pelanggan yang hadir di Mahkamah perlu memakai penutup mulut dan hidung (*mask*), diwajibkan melalui saringan kesihatan dengan mengimbas suhu badan di laluan masuk yang ditetapkan, perlu merekodkan kehadiran atau mengimbas “QR Code” yang diletakkan di pintu masuk Mahkamah Syariah di semua daerah Negeri Sembilan, memastikan penjarakan sosial dilaksanakan dan mematuhi langkah-langkah lain yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Hanya pelanggan yang mempunyai urusan sahaja yang akan dibenarkan masuk ke dalam premis Mahkamah dan kanak-kanak sama sekali tidak dibenarkan masuk semasa berurusan di Mahkamah Syariah di semua daerah Negeri Sembilan.

Pelanggan yang menghadapi masalah kesihatan dinasihatkan untuk menangguhkan hasrat untuk hadir ke Mahkamah sehingga benar-benar sembuh.

Perincian **Garis Panduan Perbicaraan Kes Syariah dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** bagi **Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan** ini boleh dirujuk di laman sesawang JKSNS.

Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi talian telefon premis Mahkamah Syariah Negeri Sembilan yang berkaitan seperti yang tertera di laman sesawang JKSNS <http://jksns.ns.gov.my/>.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

10 Jun 2020